

أصول الدين

للسنة الثانية

(السيرة والتاريخ الإسلامي)

فهرس

- 1 . ١ . العرب قبل البعثة
- 4 . ٢ . نشأة النبي محمد ﷺ
- 6 . ٣ . دعوة رسول الله ﷺ في مكة
- 8 . ٤ . تحديات الدعوة ونجاحها
- 10 . ٥ . هجرة الرسول ﷺ إلى المدينة وغيرها

Bangsa Arab sebelum Kebangkitan (nabi Muhammad saw sebagai Rasul)

1.5.1 Pengertian sirah dan sejarah

Sirah dari sudut bahasa: Cara dan Kaedah

Sirah (Biografi) dari sudut istilah: Kisah kehidupan dan sejarahnya

Tarikh dari sudut bahasa: Pengenalan tentang Masa

Tarikh (Sejarah) dari sudut istilah: satu himpunan keadaan dan peristiwa yang di alami oleh mana-mana makhluk pada individu atau masyarakat serta ia juga berlaku pada fenomena alam semula jadi dan manusia

Bangsa Arab sebelum Kebangkitan (nabi Muhammad saw sebagai Rasul) dari segi akidah, sosiol dan budaya

I'tikad (Kepercayaan)

Syirik bermula di tanah Arab adalah dengan cara mereka memindahkan batu dari tanah Haram untuk mendapat keberkatan dengannya dan melakukan tawaf. Kemudian selepas itu datang Amru bin al-Khaza'i bersama berhala kaum Syam untuk disembah oleh bangsa Arab di Mekah. Mereka meletakkannya di sekitar Kaabah dan kekal di sana sehingga hari fathu Makkah (penaklukan kota Mekah), di mana Rasulullah saw menghancurkannya, bilangannya sebanyak 300 berhala. bermula dari tindakan lelaki tersebut, berhala-berhala ini tersebar di tanah Arab.

Masyarakat

Telah lahir dalam Masyarakat Arab adat yang sangat buruk, dan juga adat yang sangat baik, tetapi adat yang buruk itu telah menenggelamkan adat yang baik. Antara adat buruk yang wujud di kalangan mereka sebelum Islam adalah:

العرب قبل البعثة

1.5.1 مفهوم السيرة والتاريخ

السيرة لغة : السنة والطريقة

السيرة اصطلاحا : قصة الحياة وتاريخها

التاريخ لغة : تعريف الوقت

التاريخ اصطلاحا : جملة الأحوال والحداث التي يمر بها كائن ما على الفرد او المجتمع كما

يصدق على الظواهر الطبيعية والإنسانية

العرب قبل البعثة من حيث الاعتقاد والاجتماع والثقافة

الاعتقاد

إن اول ما بدأ الشرك في العرب هو نقلهم الحجارة من الحرم للتبرك بها والطواف. ثم جاء بعد ذلك عمرو بن لحي الخزاعي بالصنم الذي كان لأهل الشام ليعبده العرب في مكة. فنصبوه حول الكعبة وبقي حولها إلى يوم الفتح حيث حطمه الرسول ﷺ وهي ثلاثمائة وستين (٣٦٠) صنما. انطلاقا من فعل هذا الرجل، انتشرت الأصنام في بلاد العرب.

الاجتماع

قد نشأت في المجتمع العربي عادات سيئة للغاية، وأخرى حسنة للغاية أيضا، إلا أنها قد أخفتها العادات السيئة. من جملة العادات السيئة التي هبطت بهم قبل الإسلام هي:

Adat yang buruk:

1. Ta'asub kabilah (sikap fanatik perkauman)
2. Wanita berhias yang menampakkan kecantikkannya di hadapan lelaki ajnabi.
3. Membunuh kanak-kanak perempuan: Seorang lelaki menanam anak perempuannya selepas dilahirkan secara hidup-hidup di dalam tanah kerana takutkan kemiskinan.
4. Minum arak dan berkumpul untuk tujuan tersebut. Ini adalah adat/kebiasaan penduduk Bandar di kalangan orang kaya, sasterawan dan penyair.
5. Perjudian dikenali sebagai *Maisir*, ia adalah adat penduduk bandar di semenjung tanah Arab seperti Mekah dan Taif.

Adat yang Baik:

1. Bercakap benar
2. Memuliakan tetamu
3. Memenuhi janji dan tidak memungkirinya
4. Menghormati jiran dan memberi perlindungan kepada mereka yang memerlukannya.
5. Keberanian, kemenangan dan tidak menerima penghinaan dan penindasan

Budaya

Tidak terdapat manuskrip ilmiah yang wujud pada zaman jahiliah. Walau bagaimanapun, terdapat bukti bahawa mereka mempunyai ilmu yang diwarisi dalam pelbagai bidang.

العادات السيئة:

١. العصبية القبلية
٢. تبرج النساء الكاشفات محاسنها أمام الرجال الأجانب.
٣. وأد البنات، وهي أن يدفن الرجل ابنته بعد ولادته حية في التراب خوف الفقر.
٤. شرب الخمر والاجتماع عليها، وكان هذا عادة أهل المدن من الأغنياء والأدباء والشعراء.
٥. القمار المعروف بالميسر، وهي عادة سكان المدن في الجزيرة كمكة والطائف.

العادات الحسنة :

١. صدق الحديث
٢. قرى الضيف
٣. الوفاء بالعهود وعدم نكثها
٤. احترام الجوار، وتقدير الحماية لمن طلبها
٥. الشجاعة والنجدة وعدم قبول الذل والمهانة

الثقافة

لم تكن مخطوطات علمية ترجع للعصور الجاهلية موجودة. لكن، هناك ما يدل على أنه كانت لديهم علوم متوارثة في مجالات مختلفة.

1) Orang Jahiliah menamakan *ilmu astronomi* sebagai "ilmu cahaya"

Mereka mengetahui kedudukan bintang-bintang melalui ilmu ini, mereka di jalan mereka menggunakannya sebagai petunjuk dalam perjalanan mereka di darat dan laut. Mereka mengetahui masa munculnya bintang-bintang dan menyembah sebahagian dari bintang tersebut, terutamanya bintang "Zuhrah" yang mereka gambarkannya dengan berhala "Al-Uzza".

2) Bidang matematik

Bangsa Arab adalah ahli perniagaan. Pasti mereka menggunakan banyak bentuk ilmu matematik.

3) Bidang perubatan

Sbahagian doktor pada zaman jahiliah begitu hebat, antaranya: Al-Harith bin Kaldah, Ibn Hizyam dan Zainab

4) Ilmu salsilah keturunan dan ilmu tentang (rahsia) hari

Ia adalah menepati ilmu sejarah. Mereka mengetahui keturunan seseorang melalui imej wajahnya. Mereka menggunakan ilmu ini dalam peristiwa menuntut bela dan membalas dendam.

5) Ilmu peribahasa dan kata-kata hikmah

Buku-buku peribahasa dan kata-kata hikmah dipenuhi dengan kata-kata orang bijaksana di zaman jahiliah. Kebanyakan kata-kata hikmah ini terdapat di dalam puisi jahiliah.

١) كان الجاهليون يدعون علم الفلك " علم الانوار "

عرفوا به مواقع النجوم، واستدلوا بها للاهتداء في مسالكهم في البر والبحر. ولهم معرفة بأوقات ظهور الكواكب ويعبدون بعضها، لا سيما "الزهرة" التي قد مثلوها بصنم "العزى".

٢) وفي مجال الرياضيات

كان العرب أمة تجارية. ولا شك أنهم استخدموا أنماطا كثيرة من علوم الرياضيات.

٣) وفي مجال الطب

برع بعض الأطباء في العصر الجاهلي منهم : الحارث بن كلدة ، وابن حذيم ، وزينب

٤) معرفة النسب والأيام

وهو علم بمثابة علم التاريخ. وأنهم يعرفون نسب الرجل من صورة وجهه. وقد يستعملون هذا العلم في حوادث الثأر والانتقام.

٥) معرفة الأمثال والحكم

تمتليء كتب المثل والحكم بما دار على لسان حكماء الجاهلية. وقد كان كثير من هذه الحكم في الشعر الجاهلي.

4.2 Sejarah hidup nabi Muhammad saw

4.2.1 Keturunan Rasulullah Saw Yang Suci Dan Keluarga Baginda

1. Adnan	2. Ma'd	3. Nizar	4. Mudar	5. Ilyas
6. Mudrak	7. Khuzaimah	8. Kinanah	9. Nadr	10. Malik
11. Fihri	12. Ghalib	13. Luai	14. Ka'ab	15. Murras
16. Kilab	17. Zuhrah	18. Kusai		

17. Kusai	18. Abdul Manaf	19. Hasyim	20. Abdul Mutalib
17. Zuhrah	18. Abdul Manaf	19. Wahb	

20. Abdul Mutalib	-	Abdullah
19. Wahb	-	Aminah

Abdullah & Aminah = nabi **Muhammad** saw

4.2.2 Peringkat kehidupan Rasulullah saw ketika bayi, kanak-kanak dan remaja

* Ketika bayi (dipelihara oleh ibu susuan/pengasuh)

Baginda menyusu dengan Thuwaibah iaitu hamba perempuan Abu Lahab selama beberapa hari. Kemudian baginda menyusu dengan Halimah Sa'diyah iaitu seorang ibu susuan dari bani Sa'ad sehingga berlalu dua tahun usia baginda. Halimah menyerahkan baginda kembali kepada ibunya, namu Halimah Sa'diah meminta daripada ibu baginda agar ditinggalkan baginda bersamanya beberapa waktu, lalu ibu baginda menyerahkan kepadanya. Rasulullah saw dipulangkan kepada ibu baginda Aminah ketika berusia 5 tahun sebulan.

نشأة النبي محمد ﷺ

4.2.1 نسب الرسول ﷺ المطهر وأسرته

١- عدنان	٢- معد	٣- نزار	٤- مضر	٥- إلياس
٦- مدركة	٧- خزيمه	٨- كنانة	٩- النضر	١٠- مالك
١١- فِهْر	١٢- غالب	١٣- لؤي	١٤- كعب	١٥- مرة
١٦- كلاب				

١٧- قُصَيِّ	١٨- عبد مناف	١٩- هاشم	٢٠- عبد المطلب
١٧- زُهْرَة	١٨- عبد مناف	١٩- وَهْب	

* ٢٠- عبد المطلب	-	عبد الله
١٩- وَهْب	-	آمنة
	-	محمد ﷺ

4.2.2 مراحل حياة رسول الله ﷺ من الرضاعة والطفولة والشباب

* الرضاعة

أرضعته ثويبة، جارية أبي لهب بضعة أيام. ثم أرضعته حليلة السعدية مرضعة من بني سعد حتى مضت سنتان من عمره. وقدمت به ﷺ على أمه. لكن طلبت حليلة السعية أمه أن تتركه عندها بعض الوقت، فردته إليها. وعادت برسول الله ﷺ إلى أمه آمنة وهو في الخامسة وشهر من عمره.

* Ketika zaman kanak-kanak

Setelah sampai umur baginda 6 tahun, ibunya keluar bersama pengasuhnya iaitu Ummu Aiman ke Yasrib (Madinah) untuk menziarahi bapa saudara sebelah ibunya dan menziarahi kubur ayah baginda. Semasa perjalanan pulang ke Mekah ibunya telah meninggal dunia di Abwa'. Ummu Aiman membawa pulang baginda ke Mekah dan baginda dipelihara oleh datuknya Abdul Mutalib. Setelah Rasulullah saw berusia 8 tahun, Abdul Mutalib meninggal dunia. Rasulullah saw hidup bersama Abu Talib (bapa saudaranya) selepas kematian datuknya.

* Ketika zaman remaja/muda

Rasulullah saw membesar jauh daripada kekotoran jahiliah dan adat resamnya. Baginda adalah orang yang paling baik akhlaknya, paling benar percakapannya, paling tinggi sifat amanahnya. Kerana itulah baginda digelar al Amin (Yang dipercayai). Setelah berusia 14 atau 15 tahun, baginda menyertai bersama bapa-bapa saudaranya dalam peperangan Fijar. Baginda memelihara kambing di Mekah dengan upah yang diambil daripada tuan punya kambing-kambing.

* الطفولة

لما بلغ من عمره ست سنين، خرجت به أمه مع حاضنته أم أيمن إلى يثرب لزيارة أحواله وقبر أبيه. وفي طريق العودة، ماتت أمه في الأبواء. فرجعت به أم أيمن إلى مكة، فكفله جده عبد المطلب. فلما بلغ رسول الله ﷺ ثماني سنوات، مات عبد المطلب. وكان رسول الله ﷺ مع عمه أبي طالب بعد وفاة جده.

* الشباب

شب رسول الله ﷺ بعيدا عن أقدار الجاهلية وعاداتها. فكان أحسن قومه خلقا، وأصدقهم حديثا، وأعظمهم أمانة. لذلك، سموه الأمين. ولما بلغ أربع أو خمس عشرة سنة، شارك أعمامه في حرب الفجار. وقد رعى الغنم في مكة على الأجرة يأخذونها من أهلها.

4.3 Dakwah Rasulullah saw di Mekah

4.3.1 Dakwah secara Sembunyi dan Terang-terangan

Dakwah secara Sembunyi

Nabi saw memulakan dakwahnya dengan mempamerkannya kepada orang yang baginda rasakan bersedia untuk menerimanya. Langkah ini dinamakan dakwah secara sembunyi/rahsia yang berlangsung selama tiga tahun. Orang pertama yang memeluk Islam di kalangan wanita ialah isteri baginda : Khadijah; di kalangan kanak-kanak ialah Ali; di kalangan orang dewasa ialah Abu Bakar; di kalangan hamba (orang suruhan) ialah Zaid bin Harithah. Rasulullah saw mengajak mereka kepada tauhid (mengesakan Allah) , kesucian dan sentiasa meninggalkan (penyembahan) berhala.

Dakwah secara Terangan

Dakwah secara Terangan adalah dengan perintah Allah swt dalam firmanNya :
 “Maka sampaikanlah olehmu secara terang-terangan segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dari orang-orang yang musyrik”.

Perkara ini berlaku selepas sampai bilangan orang Islam melebihi 40 orang lelaki dan begitu juga dengan wanita. Keislaman Hamzah bapa saudara nabi saw dan Umar bin al Kattab yang mana kedua-duanya telah menguatkan kekuatan mereka. Lalu nabi saw naik ke atas bukit Sofa dan menyeru kaumnya dengan suara yang tinggi, maka berkumpul orang ramai di hadapannya. Baginda berkata: Sesungguhnya aku memberi peringatan kepada kamu, di hadapan ini (di akhirat kelak) terdapat seksaan yang pedih. Selamatkanlah diri kamu daripada api neraka.

4.3.2 Pendirian Orang Quraisy terhadap dakwah nabi saw

Setelah Rasulullah saw berdakwah secara terang-terangan, orang Quraisy merendah-rendahkan dan menghina baginda, sehingga bapa saudaranya Abu Lahab berkata: Celaka kamu (wahai Muhammad) sepanjang hari. Kamu ajak kami semua ini kerana inikah?!. Lalu Allah swt menurunkan surah al Masad mencela Abu Lahab kerana beliau menghina nabi kita Muhammad sw :

4.3 دعوة رسول الله ﷺ في مكة

4.3.1 الدعوة السرية والعلانية

الدعوة السرية

بدأ النبي ﷺ دعوته بعرضها على من يرى فيه الاستعداد لقبولها. وهذه الخطوة تسمى الدعوة السرية التي تجرى ثلاث سنوات. وأول من أسلم من النساء زوجته: خديجة؛ ومن الصبيان علي؛ ومن الرجال أبو بكر؛ ومن الموالي زيد بن حارثة. فالرسول ﷺ دعاهم إلى التوحيد، والطهارة، والاستمرار على هجران الأوثان.

الدعوة العلانية

إن الجهر بالدعوة كان بأمر الله سبحانه وتعالى في قوله:

فَأَصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾ سورة الحجر ١٥ : ٩٤

وإنه بعد اكتمال عدد المسلمين نيفا وأربعين رجلا وكذا امرأة، وأسلم حمزة عم النبي ﷺ وعمر بن الخطاب، اللذان قويت شوكتهم بهما. فصعد النبي ﷺ على جبل الصفا، ونادى قومه بأعلى صوته. فاجتمعوا أمامه ﷺ، فقال: إني نذير لكم بين يدي عذاب شديد. انقذوا أنفسكم من النار.

4.3.2 موقف قريش من الدعوة

لما جهر رسول الله ﷺ بالدعوة، سخرت منه قريش واستهزءوا به. حتى قال له عمه أبو لهب: تبا لك سائر اليوم. أما دعوتنا إلا لهذا؟! فأنزل الله سبحانه وتعالى عليه سورة المسد تبا له بما يقوله لنبينا ﷺ :

Binasalah kedua tangan Abu Lahab dan Sesungguhnya dia akan binasa. *1* Tidaklah berfaedah kepadanya harta bendanya dan apa yang ia usahakan. *2* Kelak dia akan masuk ke dalam api yang marak membakar. *3* Dan (begitu pula) isterinya, pembawa kayu bakar [penyebarkan fitnah memburuk-burukkan nabi Muhammad s.a.w. dan orang Islam]. *4* Yang di lehernya ada tali dari sabut. *5*

(surah al Masad : 1 – 4)

Orang Quraisy pergi menemui bapa saudara baginda iaitu Abu Tolib yang melindungi baginda daripada musuhnya. Mereka meminta agar melepaskan baginda kepada mereka atau menghalangnya daripada dakwahnya. Setelah itu mereka pulang dan Rasulullah saw terus menyampaikan dakwahnya kepada Islam. Orang Quraisy menyimpan rasa dendam dan permusuhan terhadap Rasulullah saw dan mendorong sesama mereka melakukan perkara tersebut.

تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ ۝ مَا أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُ وَمَا كَسَبَ ۝ سَيَصْلَىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ

۝ وَأُمْرَأَتُهُ حَمَّالَةَ الْحَطَبِ ۝ فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ۝

(سورة المسد ١١١ : ١ - ٤)

فذهبوا إلى عمه أبي طالب الذي يحميه من أعدائه. فطلبوا منه أن يخلي بينهم وبينه، أو يكفه عما يقول. فردهم ردا جميلا، فانصرفوا عنه. ومضى رسول الله ﷺ لما يريد من الدعوة إلى الإسلام. فأضمرت قريش الحقد والعداوة لرسول الله ﷺ، وحث بعضهم بعضا على ذلك.

4.4 Rintangan Dakwah dan kejayaannya

4.4.1 Jenis-Jenis Rintangan

1. Penganiayaan orang Quraisy
2. Penghinaan dan persendaan orang musyrikin/kafir
3. Orang Islam tidak peduli dengan kepentingan dakwah
4. Sedikit bilangan orang Islam di permulaan Islam

** Adakah anda tahu ?

Pahala memberi hidayah kepada manusia adalah besar, sebagaimana terdapat dalam hadis daripada Sahl bin Sa'd, Rasulullah saw bersabda kepada Ali bin Abu Tolib r.a: Demi Allah, sesungguhnya Allah memberi hidayah kepada seseorang itu dengan sebab kamu adalah lebih baik daripada kamu perolehi anak unta merah (unta yang paling baik). Hadis riwayat Bukhari.

4.4.2 Kumpulan orang musyrikin yang menghina Rasulullah saw

1. Abu Lahab iaitu Abdul 'Uzza bin Abdul Mutolib
2. Abu Jahal Amru bin Hisyam al Makhzumi
3. Al Walid bin Mughirah al Makhzumi
4. 'Uqbah bin Abu Mu'it al Umawi
5. An Nadr bin al Harith
6. Al 'Asi bin Wail
7. 'Adi bin Qais

4.4.3 Pendirian Rasulullah saw dalam menanggung kesusahan (dakwah)

Nabi saw menghadapi penyiksaan dan ujian yang teruk dalam usaha menyampai risalah (Islam). Nabi saw telah dihina, dipersenda, dicela dan dicaci. Orang musyrikin lakukan terhadap baginda apa yang tidak pernah dirsai oleh kebanyakan orang yang beriman. Baginda bersabar dengan penuh kecekalan yang tidak luntur. Baginda terus mengajak kaumnya kepada Allah swt sehingga Allah swt memberi kemenangan kepada baginda dan dimuliakan dan diangkatkan agamanya. Allah swt hinakan golongan musyrikin dan membatalkan/menghancurkan agama mereka.. Antara bentuk penyiksaan golongan yang menyakiti Rasulullah saw :

4.4 تحديات الدعوة ونجاحها

4.4.1 أنواع التحديات في الدعوة

- (١) اضطهاد قريش بالنبي ﷺ
- (٢) استهزاء المشركين والسخرية منهم
- (٣) عدم الاهتمام من المسلمين بأهمية الدعوة.
- (٤) قلة المسلمين في أول الإسلام

** هل تعلم ؟

إن ثواب هداية الناس عظيم. كما ورد في الحديث عن سهل بن سعد رضي الله عنه، قال الرسول ﷺ لعلي بن أبي طالب رضي الله عنه : فوالله لأن يهدي الله بك رجلاً واحداً، خير لك من أن يكون لك حمر النعم. (رواه البخاري)

4.4.2 جماعة المستهزئين من المشركين

- (١) أبو لهب وهو عبد العزى بن عبد المطلب
- (٢) أبو جهل عمرو بن هشام المخزومي
- (٣) الوليد بن المغيرة المخزومي
- (٤) عقبة بن أبي معيط الأموي
- (٥) النضر بن الحارث
- (٦) العاصي بن وائل
- (٧) عدي بن قيس

4.4.3 موقف رسول الله ﷺ في تحمل المشاق

لقد لقي النبي ﷺ أشد الأذى والحن في سبيل تبليغ الرسالة. وهذا النبي ﷺ قد سخر منه، واستهزئ به، وسب، وشتم، ونال منه المشركون ما لم ينالوه من كثير من المؤمنين. فصبر مع عزم لا يلين، وما زال يدعو قومه إلى الله، حتى نصره الله وأعز دينه، وأذل المشركين وأبطل دينهم. ومن بعض صور الأذى للرسول ﷺ من المستهزئين منهم :

1. Pendustaan yang keterlaluan daripada bapa saudaranya iaitu Abu Lahab Abdul 'Uzza bin Abdul Mutolib. Dia mencampakkan kekotoran dan benda busuk di hadapan pintu rumah Rasulullah saw kerana dia berjiran dengan rumah baginda.
2. Mereka menuduh baginda saw dengan tuduhan (melakukan) sihir. Mereka berkata: Muhammad adalah tukang sihir, kerana baginda memisahkan seseorang itu dengan saudaranya dan isterinya.
3. 'Uqbah bin Abu Mu'it telah meletakkan perut unta di antara dua bahu nabi saw ketika baginda sedang solat di hadapan Kaabah dan orang-orang Quraisy mentertawakan baginda.
4. Penghinaan (memperolok-olokkan) terhadap agama Allah swt, ketika Ubai bin Khalaf datang kepada nabi saw dan di tangannya tulang-tulang lalu dipatahkan tulang itu dengan tangannya dan berkata: Aku sangka tuhan kamu boleh menghidupkan tulang-tulang ini?. Maka Allah swt menurunkan ayat-ayat dari surah Yasin.

Di sana terdapat sekumpulan yang begitu kuat menyakiti dan bermusuhan dengan Rasulullah saw dan para sahabat baginda, namun mereka beriman dan memeluk Islam seterusnya menjadi orang Islam yang baik seperti Abu Sufian bin Harb, al Hakam bin Abu al As dan Abdullah bin Abu Umayyah al Makhzumi.

4.4.4 Punca kejayaan dakwah Rasulullah saw di Mekah al Mukarramah

1. Islamnya Hamzah dan Umar r.a
2. Perlindungan bapa saudaranya Abu Tolib daripada tipu daya orang Quraisy.
3. Orang Islam membantu baginda dengan pelbagai cara dan bentuk bantuan.
4. Kesabaran dan kecekalan (teguh pendirian) di jalan dakwah kepada Allah swt.
5. Akhlak baginda yang mulia di hadapan musuhnya di kalangan orang musyrikin.
6. Kekuatan keyakinan dengan janji Allah swt iaitu kemenangan di dunia dan syurga di akhirat.

- ١ - التّكذيب الشّدِيد من عمه، أبي لهب عبد العزى بن عبد المطلب. وكان يطرح العذرة والتن على باب النبي ﷺ إذ كان مجاوراً له.
- ٢ - كانوا يتهمونه ﷺ بالسحر وقالوا: هو ساحر؛ لأنه يفرق بين المرء وأخيه وزوجته.
- ٣ - وضع عقبة بن أبي معيط سلى الجزور بين كتفي النبي ﷺ، وهو يصلي عند الكعبة، ورجال قريش يضحكون.
- ٤ - الاستهزاء بدين الله، إذ جاء أبي بن خلف إلى النبي ﷺ، وفي يده عظم. ففتته بيده، وقال: زعمت أن ربك يحيي هذا العظم. فأنزل الله الآية ٧٨ - ٧٩ من سورة يس.

هناك جماعة كانوا شديدي الأذى والعداوة لرسول الله ﷺ وأصحابه، ولكنهم آمنوا وأسلموا وحسن إسلامهم كأبي سفيان بن حرب، والحكم بن أبي العاص، وعبد الله بن أبي أمية المخزومي.

4.4.4 أسباب النجاح لدعوة الرسول ﷺ بمكة المكرمة

- ١ - إسلام حمزة وعمر رضي الله عنه
- ٢ - حماية عمه أبي طالب له عن كيد قريش.
- ٣ - تعاون المسلمين له ﷺ بكل وسيلة وأسباب.
- ٤ - الصبر والثبات في طريق الدعوة إلى الله تعالى.
- ٥ - أخلاق ﷺ الكريمة أمام أعدائه من المشركين.
- ٦ - قوة اليقين بوعد الله سبحانه وتعالى وهو النصر في الدنيا والجنة في الآخرة.

4.5 Hijrah Rasulullah saw ke Madinah dan Pengajarannya

4.5.1 Maksud hijrah Rasulullah saw

Hijrah dari sudut bahasa : Keluar dari satu tempat ke tempat lain.

Hijrah dari sudut istilah : Nabi saw dan para sahabat keluar dari Mekah ke Madinah al Munawwarah pada tahun 622 M.

4.5.2 Punca hijrah Rasulullah saw

- * Hijrah adalah sunnah para nabi
- * Penyelesaian orang Quraisy terhadap baginda dengan pelbagai bentuk penyelesaian.
- * Penduduk Mekah tidak menerima Islam pada permulaannya.
- * Madinah telah bersedia menerima dakwah baginda.
- * Berlaku penyelesaian orang kafir Mekah terhadap semua orang yang beriman dengan baginda.

4.5.3 Kesan Hijrah Rasulullah saw

1. Menendirikan negara dan masyarakat Islam pertama di Madinah
2. Perdamaian antara kaum Aus dan kaum Khazraj selepas permusuhan yang lama di antara mereka.
3. Terselamat Rasulullah saw dan orang Islam daripada penyiksaan orang musyrikin Mekah.
4. Persaudaraan di antara golongan muhajirin (orang Islam Mekah) dan golongan Ansar (orang Islam Madinah).

4.5 هجرة الرسول ﷺ إلى المدينة وغيرها

4.5.1 مفهوم هجرة الرسول ﷺ

الهجرة في اللغة : الخروج من أرض إلى أخرى
الهجرة في الاصطلاح : خروج النبي ﷺ والصحابة من مكة إلى المدينة المنورة سنة 622 م.

4.5.2 أسباب هجرة الرسول ﷺ

- * الهجرة من سنن الأنبياء
- * إيقاع العذاب من كفار مكة على كل من آمن به ﷺ
- * آذاه ﷺ قريش بكل أنواع الإيذاء
- * عدم تقبل أهل مكة للإسلام ابتداء
- * استعداد المدينة المنورة لقبول دعوته ﷺ

4.5.3 آثار هجرة الرسول ﷺ

- ١ - إقامة أول الدولة الإسلامية والمجتمع الإسلامي في المدينة
- ٢ - الصلح بين الأوس والخزرج بعد العداوة الطويلة بينهما
- ٣ - نجاة الرسول ﷺ والمسلمين من أذى مشركي مكة
- ٤ - المؤاخاة بين المهاجرين والأنصار

** Adakah anda tahu ?

Hijrah pada masa kini ialah meninggalkan maksiat kepada Allah swt dan tidak menyalahi perintahNya. Di dalam hadis: daripada Abdullah bin 'Amru r.a, dari nabi saw bersabda: Orang Islam itu adalah orang yang selamat lidah dan tanganya daripada menyakiti orang Islam dan orang yang berhijrah itu ialah orang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah swt. (Hadis riwayat Bukhari)

Pengajaran dari Hijrah Rasulullah saw :

- Menjelaskan sejauh mana cinta Abu Bakar kepada Rasulullah saw kerana beliau begitu suka menemani baginda.
- Pengorbanan pertama dalam Islam ialah pengorbanan Ali bin Abu Tolib kepada Rasulullah kerana baginda meninggalkan beliau tidur di tempat tidur baginda (ketika keluar dari rumah untuk berhijrah ke Madinah) dan orang musyrikin menyangka itu adalah nabi saw sedangkan sebenarnya Ali r.a

** Adakah anda tahu ?

Taqwim Hijri ialah kalender yang berdasarkan peredaran bulan bagi menentukan (tarikh) bulan-bulan. Orang Islam menggunakannya untuk menentukan peristiwa-peristiwa agama seperti hari raya fitri (puasa), hari raya korban (haji) dan lain-lain. Kalendar ini dibuat oleh khalifah Umar bin al Khattab dan beliau menjadikan hijrah Rasulullah saw dari Mekah ke Madinah sebagai rujukan tahun pertama calendar tersebut. Ini sebab dinamakannya takwin hijri.

** هل تعلم ؟

إن الهجرة في زمننا هي ترك معصية الله سبحانه وتعالى وعدم مخالفة أوامره. وفي الحديث: عن عبد الله بن عمرو رضي الله عنه ، عن النبي ﷺ قال: المسلم من سلم المسلمون من لسانه ويده، والمهاجر من هجر ما نهى الله عنه. (رواه البخاري)

العبر من هجرة الرسول ﷺ :

- بيان مدى حب أبي بكر للرسول ﷺ إذ كان يرغب في صحبته.
- إن أول فداء كان في الإسلام فداء عليّ إلى النبي ﷺ إذ تركه نائماً على فراشه وخرج. والمشركون يظنون أنه النبي ﷺ وهو عليّ رضي الله عنه.

** هل تعلم ؟

التقويم الهجري هو تقويم يعتمد على دورة القمر لتحديد الأشهر. استخدمه المسلمون في تحديد المناسبات الدينية كعيد الفطر والأضحى وغيرهما. وهذا التقويم قد أنشأه الخليفة عمر بن الخطاب، وجعل هجرة الرسول ﷺ من مكة إلى المدينة مرجعا لأول سنة فيه. وهذا هو السبب في تسميته التقويم الهجري.